



JABATAN PELAJARAN WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
BAHASA MELAYU SPM 2010**

1103/2

Kertas 2

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak.

Soalan 1 : Rumusan
[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang langkah-langkah mengelakkan kejadian tanah runtuh dan kesan-kesannya. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Melihat kepada sejarah pembangunan di Malaysia, didapati bahawa 35 hingga 40 peratus pembangunan diadakan di kawasan tanah tinggi dan lereng-lereng bukit yang memerlukan bukit-bukit ditarah, dibersihkan ataupun diratakan untuk memberi laluan kepada proses pembangunan. Terdapat pembangunan yang bersifat komersial seperti pembinaan resort-resort percutian. Selain itu, terdapat juga pembangunan yang dibuat bertujuan untuk memenuhi kehendak prasarana awam di samping pembinaan projek-projek hak milik persendirian. Apabila *pembangunan semakin dituntut*, kebanyakan pemangkin tanah ini terpaksa ditebang untuk memenuhi tuntutan arus pemodenan. Bermula dari faktor inilah, maka bencana alam seperti banjir kilat dan tanah runtuh semakin kerap terjadi.

Dalam melaksanakan dasar-dasar pembangunan kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seharusnya bersifat lebih tegas dalam memastikan pihak-pihak pemaju mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Proses pembangunan tanah di lereng-lereng bukit seharusnya melalui fasa penyiasatan tanah dan impak struktur yang dikoordinasikan oleh jurutera bertauliah. Bagi fasa cadangan penyelenggaraan, fasiliti secara berkala dan kemudahan prasarana pembangunan seharusnya diseliasa oleh juruukur bangunan yang bertauliah, manakala fasa kehendak dan keperluan reka bentuk dipantau sepenuhnya oleh arkitek bertauliah.

Cadangan-cadangan bagi mengelakkan tanah runtuh seperti penanaman tumbuh-tumbuhan litup bumi, pembinaan tembok penahan atau pengaplikasian sistem pengaliran air yang efektif bukan sekadar menghiasi kertas kerja cadangan projek tetapi seharusnya benar-benar dilaksanakan. Penggunaan sistem teknologi moden seperti pengesanan pergerakan tanah melalui sistem gelombang atau radar harus dipantau secara berkala bagi mengesan pergerakan tanah yang aktif terutama sekali menjelang musim hujan. Gabungan tenaga kerja antara pihak pemaju dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Kerja Raya (JKR), dan Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) penting bagi menjamin bangunan yang dibina selamat diduduki dan kejadian tanah runtuh ini tidak akan berlaku lagi.

Walaupun Malaysia tidak termasuk dalam kawasan lingkaran gunung berapi atau gempa bumi, impak kejadian tanah runtuh turut meragut banyak nyawa dan menjejaskan aset pembangunan negara. Negara-negara yang sinonim dengan bencana alam seperti gempa bumi, sentiasa menyediakan pelan pembinaan yang amat menitikberatkan Kajian Kesan Penilaian Alam Sekitar. Antara yang sesuai dijadikan rujukan ialah negara Jepun yang terkenal dengan dasar-dasar kelulusan yang ketat dalam proses pembinaan. Kerajaan seharusnya peka dalam menangani permasalahan ini dengan melihat pelaksanaan dasar dari negara-negara maju. Justeru, pendekatan dan pelaksanaan dasar yang sistematik perlu diaplikasikan dalam menangani permasalahan ini. Tindakan PBT haruslah tegas agar tidak dilabelkan seperti melepaskan batuk di tangga kerana kita semestinya tidak mahu tragedi ini berulang kembali.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Kesan Penilaian Alam Sekitar Patut Dipatuhi' oleh Nur Azfahani Ahmad, *Utusan Malaysia*, 10 Disember 2008)

Soalan 2 : Pemahaman**Soalan 2 (a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *pembangunan semakin dituntut*.

[2 markah]

- (ii) Mengapakah pembangunan di Malaysia melibatkan kawasan tanah tinggi dan lereng-lerang bukit?

[3 markah]

- (iii) Pada pendapat anda, apakah peranan yang seharusnya dimainkan oleh masyarakat untuk memelihara alam sekitar.

Berikan **empat** peranan tersebut.

[4 markah]

[Lihat sebelah]
SULIT

Soalan 2(b) - Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

PERMAISURI: Kakanda, carilah rama-rama yang cantik-cantik supaya adinda tambah berseri dan indah; lebih daripada perempuan-perempuan lain.

BADUT(RAJA): Janganlah adinda gundah- gulana. Kakanda telah pun memerintah beberapa orang panglima untuk pergi menangkap rama-rama yang adinda idamkan itu.

PERMAISURI: Adinda tak hendak rama-rama itu. Adinda mahu rama-rama yang kakanda sendiri tangkap, sebab kakanda lebih arif dalam hal ini.

BADUT (RAJA): Jika begitu idaman adinda, menjelang subuh berangkatlah kakanda.

ROMBONGAN PERMAISURI:

Cantik tuanku berseri-seri
Bagai jelma si bidadari
Tak tertara seluruh negeri
Puji pula dagang dan santeri.

Bila dengar suara bermadah
Lemak lunak begitu indah
Berhenti burung telinga ditadah
Teringat-ingat dendam tak sudah.

Bergerak balik ke tempat duduk masing-masing. Apabila Badut bercerita, pelakon-pelakon lain ad lib itu ini. Komen. Menyoal.

BADUT(RAJA): Esoknya hamba pun masuk belukar keluar belukar, masuk hutan keluar hutan, masuk rimba keluar rimba. Luka di tangan, luka di kaki, luka di muka sebab mengejar seekor rama-rama yang kecil tetapi paling cantik sekali. Hamba tak pernah temui seekor yang sebegitu indah.

(Dipetik daripada, 'Jangan Bunuh Rama-Rama' oleh Noordin Hassan dalam antologi *Kerusi*, Dewan Bahasa dan Pustaka.)

- (i) Apakah permintaan permaisuri terhadap suaminya? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah cara-cara untuk mengekalkan hubungan suami isteri? [4 markah]
- (iii) Nyatakan **satu** nilai yang terdapat dalam petikan dan **dua** nilai dalam keseluruhan drama. [3 markah]

[Lihat sebelah]
SULIT

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Hai saudaraku, kerana keris ini kerisku dianugerahkan oleh Betara Majapahit; sebab itulah maka aku ambil pula daripadamu!” Maka sahut Hang Jebat, “Hai Laksamana, manatah katamu hulubalang besar lagi berani ternama? Sekarang membunuh aku tiada bersenjata. Jika tiada mahu engkau membunuh aku tiada berkeris, pintalah aku keris yang lain supaya kita bertikam, supaya aku bangat mati dengan senjata, *supaya masyhurlah namaku.*”

Maka oleh Laksamana dihunus penduanya dilontarkannya pada Hang Jebat. Melihat Laksamana melontarkan keris penduanya itu, maka segera disambutnya lalu dihunusnya. Maka keris parung sari bertatah sampai ke hujung, loknya tujuh belas, terlalu baik rupanya dan kukuhnya dan tajamnya seperti getah. Maka kata Hang Jebat, “Hai Laksamana, baik-baiklah engkau menantikan tikam Si Jebat derhaka ini!” seraya diusirnya akan Laksamana lalu ditikamnya di dada Laksamana. Maka Laksamanapun tiada sempat menghunus kerisnya. Maka oleh Hang Jebat dipertubi-tubinya tikam akan Laksamana. Maka Laksamanapun segera menghunus kerisnya serta berguling di atas talam itu. Maka oleh Hang Jebat maka dipertubi-tubinya tikam, kerana pada tubuh Laksamana, kena talam itu terus tiada bertahan. Maka Hang Jebat pun lelah, tetapi sungguhpun Laksamana berguling mata kerisnya ke atas juga. Syahadan keris Hang Jebat pun sebagai lekat pada talam itu. Arkian maka Laksamana pun segera berbangkit berdiri, serta katanya, “Cih, mati engkau olehku!” Maka Laksamana pun melompat serta ditikamnya dada Hang Jebat, kena dadanya terus bayang-bayang ke belakangnya.

(Dipetik daripada
‘Pertarungan Tuah Dengan Jebat’
dalam antologi *Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Terangkan maksud rangkai kata *supaya masyhurlah namaku*. [2 markah]
- (ii) Gambarkan keadaan keris parung sari. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, wajarkah Hang Jebat menyerahkan semula keris parung sari kepada Laksamana? [3 markah]

[Lihat sebelah]
SULIT

Soalan 2 (d) – Puisi

Baca petikan seloka di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SELOKA PAK KADUK

Aduhai malang Pak Kaduk
Ayamnya menang kampung tergadai
Ada nasi dicurahkan
Awak pulang kebuluran
Mudik menongkah surut
Hilir menongkah pasang;
Ada isteri dibunuh
Nyaris mati oleh tak makan
Masa belayar kematian angin
Sauh dilabuh bayu berpuput
Ada rumah bertandang duduk.

Antologi *Anak Laut*
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Nyatakan sikap Pak Kaduk dalam seloka di atas. [2 markah]
- (ii) Jika anda mempunyai rakan yang bersikap seperti Pak Kaduk, apakah nasihat-nasihat yang dapat anda berikan supaya rakan anda itu berubah sikap? [3 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** persoalan yang terdapat dalam seloka di atas. [4 markah]

[Lihat sebelah]
SULIT

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis **satu** ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, atau menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) campur
- (ii) bercampur
- (iii) mencampuri
- (iv) mencampurkan
- (v) campuran
- (vi) bercampur-aduk

[6 markah]

(b) Tulis petikan ini dalam bentuk cakap pindah. Anda dikehendaki mengekalkan susunan isi dalam petikan ini.

Pengguna : Hello, selamat pagi. Boleh bercakap dengan bahagian kerosakan Tenaga Nasional?

Operator : Bahagian kerosakan di sini. Boleh saya bantu saudara!

Pengguna : Encik, bekalan elektrik ke rumah saya baru saja terputus akibat hujan lebat.

Operator : Baiklah. Tolong berikan nama dan alamat encik!

Pengguna : Nama saya Mohammad bin Abdul. Alamat saya Lot 51, Jalan Angsana, Taman Perkasa, Cheras.

Operator : Baiklah, kami akan bantu secepat yang mungkin.

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Pemuda itu bertanya kepada orang tua yang duduk di sebelahnya, "Bilakah Tuan Haji pulang dari Makkah?"
- (ii) Pondok buruk yang di diami oleh orang tua itu beratapkan rumbia dan berinding buluh.
- (iii) Penanam-penanam sayur di kampung itu memborong semua hasil tanaman mereka kepada seorang taukeh Cina.

[6 markah]

[Lihat sebelah]
SULIT

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Kata-kata aluan yang saudara telah sampaikan itu menarik perhatian para hadirin.
- (ii) Alat berhawa dingin dijual dengan nilai yang tinggi.
- (iii) Rahsia alam yang tidak kita ketahui ini membuktikan yang anugerah Tuhan itu tidak dapat ditandingi oleh sesiapa pun.

[6 markah]

(e) Baca dialog di bawah dengan teliti dan kemudian kemukakan tiga peribahasa yang menggambarkan tiga situasi yang berbeza yang terdapat dalam dialog ini.

Pak Hassan : Azwan, kau sanggup menjual kereta Mercedes kesayangan mama?

Azwan : Saya perlukan duit.

Pak Hassan : Kenapa engkau tidak meminta keizinan ayah dan mama terlebih dahulu. Selama ini pun ayah telah banyak berkorban untukmu. Apa-apa sahaja kehendakmu ayah akan penuhi.

Azwan : Tapi ayah..... kalau saya minta pertolongan, tentu ayah dan mama bising. Itukan kereta kesayangan mama?

Pak Hassan : Tapi perbuatanmu telah melukakan hati mama. Dia tidak sangka kau sanggup bertindak sedemikian.

Azwan : Saya menyesal dan sedar akan kesilapan saya. Saya ingin meminta maaf daripada ayah dan mama

[6 markah]

[Lihat sebelah]
SULIT

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
- (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusof
- (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
- (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
- (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
- (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad

- (a) Pengarang mengemukakan banyak kritikan terhadap masyarakat melalui karyanya.

Berdasarkan **sebuah** novel yang telah anda pelajari, bincangkan kritikan sosial yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

- (b) Dalam sesebuah novel terdapat pelbagai teknik plot yang dipaparkan oleh pengarang untuk menarik minat pembaca.

Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda kaji, jelaskan **satu** contoh peristiwa yang menggunakan teknik kejutan yang terdapat dalam setiap novel.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT